



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 25 FEBRUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFS FOKUS TINGKAT PEMBABITAN BELIA DALAM SEKTOR PERTANIAN, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	BELANJAWAN 2023: PENINGKATAN PERUNTUKAN PACU DAYA TAHAN SEKTOR AGROMAKANAN – MAT SABU, BH -ONLINE	
3.	PEMBERIAN SUBSIDI, INSENTIF INDUSTRI PADI TINGKAT PENDAPATAN PESAWAH, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
4.	TAMBAH PEKERJA ASING ATASI KEKURANGAN BEKALAN AYAM, TELUR – MAT SABU, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
5.	KEKURANGAN BEKALAN AYAM, TELUR DIATASI MENJELANG RAMADHAN, BH -ONLINE	
6.	BANTUAN MODAL PERLADANGAN KEPADA GOLONGAN MUDA, BERITA RTM -ONLINE	
7.	JELAJAH AGROTOURISM DEMI TARIK MINAT BELIA, BANTU TANGANI KOS SARA RAKYAT, KATA KEMENTERIAN, BULETIN MUTIARA -ONLINE	
8.	LABUAN WATERS FREE FROM RED TIDE, SAYS FISHERIES DEPARTMENT, HOME, BORNEO POST (KK) -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	BERNAS KONGSI 30 PERATUS UNTUNG BERSIH DENGAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -5	LAIN-LAIN
10.	TANAH TERBIAR DIUSAHA UNTUK PROJEK TANAMAN MAKANAN, NASIONAL, BH -8	
11.	GOVT WILL LAUNCH AGRICULTURAL PROJECT TO PRODUCE MORE EDIBLE FOOD, NATION, CHINA PRESS -A3	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFS fokus tingkat pembabitan belia dalam sektor pertanian



GEORGETOWN: Usaha meningkatkan pembabitan golongan belia dalam sektor pertanian, menjadi antara fokus utama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata justeru pelbagai geran, dana serta latihan ditawarkan kementerian dan agensinya dalam usaha meremajakan sektor berkenaan.

"Kementerian menyediakan bantuan Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi individu berumur 18 hingga 40 tahun, dan ia sudah memanfaatkan 8,403 orang di seluruh negara dari 2016 hingga 2022 dengan nilai kelulusan berjumlah RM151.75 juta.

"Selain itu, sebanyak 146 pusat agropelancongan berdaftar bawah bimbingan jabatan dan agensi kementerian ini turut diberi bantuan Geran Agropelancongan bernilai RM22.13 juta," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jelajah Agropelancongan dan Agrobelia, di sini, hari ini.

Mohamad berkata, galakan berterusan dan bantuan dalam bentuk kewangan, infrastruktur serta latihan kepada belia untuk menceburi bidang agrokeusahawanan, berupaya mentransformasi sektor itu kepada pertanian moden, sekali gus melipatgandakan pengeluaran makanan tempatan.

Katanya, Jelajah Agropelancongan dan Agrobelia merupakan antara inisiatif kerajaan bagi menarik minat golongan belia untuk berkecimpung dalam sektor agromakanan serta pertanian pintar.

Beliau memaklumkan, program anjuran MAFS itu berlangsung hingga esok di pekarangan Town Hall & City Hall, Padang Kota.

Sebelum ini, jelajah sama diadakan di Pasir Gudang, Johor, 2 hingga 4 Disember lalu yang mencatat kehadiran kira-kira 17,000 pengunjung dengan nilai jualan mencecah RM336,000, dan di Shah Alam, Selangor, pada 3 hingga 5 Februari dengan sekitar 18,000 pengunjung serta jualan berjumlah RM341,000. – BERNAMA

Mohamad melawat tapak pameran pada program Jelajah Agropelancongan dan Agrobelia di pekarangan Town Hall dan City Hall, Padang Kota, Georgetown, hari ini. - NSTP/MIKAIL ONG

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Belanjawan 2023: Peningkatan peruntukan pacu daya tahan sektor agromakanan - Mat Sabu



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyifatkan peruntukan RM5.39 bilion yang diterima menerusi Belanjawan 2023 membuktikan keprihatinan kerajaan dalam memacu agromakanan sebagai sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata peruntukan diterima itu meningkat sebanyak 12.06 peratus berbanding RM4.81 bilion pada tahun lalu.

"Kementerian menyambut baik Belanjawan MADANI 2023 yang diumumkan Perdana Menteri, khususnya di atas keprihatinan terhadap sektor pertanian.

"Belanjawan yang dibentangkan diyakini dapat mendepani cabaran sektor agromakanan antaranya pengeluaran, bekalan dan pemasaran makanan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, inisiatif Belanjawan MADANI akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi selari objektif dan sasaran di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

"Sebagai peneraju agenda keterjaminan makanan negara, KPBM komited melaksanakan inisiatif Belanjawan 2023 secara cekap dan berhemat demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Mohamad berkata, selaras agenda keterjaminan makanan, pihaknya menyambut baik pemberian subsidi dan insentif bagi industri padi dan beras berjumlah RM1.6 bilion, selain tambahan RM228 juta sumbangan tunai serta perkongsian 30 peratus keuntungan bersih import beras kepada pesawahan oleh BERNAS.

"Ini akan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pesawahan.

"Penggunaan automasi dan pendigitalan dalam sektor pertanian juga menyumbang kepada peningkatan kualiti pengeluaran dan produktiviti tenaga kerja.

"Sehubungan itu, inisiatif melalui dana Skim Pembiayaan Agrofood, program Digital AgTech, Elaun Modal Dipercepatkan dan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus ke atas perbelanjaan modal ditekankan untuk memperluas dan memperkasa penerimagunaan teknologi moden," katanya.

Beliau berkata, kerjasama semua pihak berkepentingan diperlukan bagi menjamin ekosistem agromakanan yang mampan.

"Malah, kerajaan turut menggalakkan pelaburan swasta berskala besar berdasarkan pertanian bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

"Saya menyambut baik agenda keterjaminan makanan merentas kementerian dan kerajaan negeri serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dinyatakan dalam belanjawan ini. Ia termasuk inisiatif penanaman jagung bijian, Jualan Rahmah, platform Cloud Kitchen dan program Kebun Komuniti bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Pemberian subsidi, insentif industri padi tingkat pendapatan pesawah



Mohamad Sabu

KUALA LUMPUR – Pemberian subsidi dan insentif bagi industri padi dan beras berjumlah RM1.6 bilion diperuntukkan dengan tambahan RM228 juta sumbangan tunai kepada pesawah serta perkongsian 30 peratus keuntungan bersih import beras kepada pesawah oleh BERNAS akan dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pesawah.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata demikian mengulas Belanjawan 2023 yang dibentangkan semalam.

“Penggunaan automasi dan pendigitalan dalam sektor pertanian menyumbang kepada peningkatan kualiti pengeluaran dan produktiviti tenaga kerja,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan ini, inisiatif melalui dana Skim Pembiayaan Agrofood, program Digital AgTech, Elaun Modal Dipercepatkan dan pengecualian cukai pendapatan 100 peratus ke atas perbelanjaan modal telah ditekankan untuk memperluas dan memperkasa penerimagunaan teknologi moden.

“Kolaborasi oleh semua pihak berkepentingan adalah diperlukan bagi menjamin ekosistem agromakanan yang mampan. Saya menyambut baik agenda keterjaminan makanan merentas kementerian dan kerajaan negeri serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dinyatakan dalam belanjawan ini,” ujarnya.

Inisiatif-inisiatif yang diumumkan adalah penanaman jagung bijian, Jualan Rahmah, platform Cloud Kitchen dan program Kebun Komuniti bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Kerajaan turut menggalakkan pelaburan swasta berskala besar berdasarkan pertanian bagi meningkatkan pengeluaran makanan, katanya.

Sebagai peneraju dalam agenda keterjaminan makanan negara, KPBM komited melaksanakan inisiatif-inisiatif Belanjawan 2023 secara cekap dan berhemat demi kesejahteraan rakyat.

“Saya yakin inisiatif Belanjawan MADANI akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi selari dengan objektif dan sasaran di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Tambah pekerja asing atas kekurangan bekalan ayam, telur – Mat Sabu



Mohamad Sabu (tengah) merasmikan Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth di Pulau Pinang hari ini.

GEORGE TOWN – Kerajaan sedang menambah pekerja asing di sektor peladangan dan penternakan bagi menangani masalah bekalan telur dan ayam mentah menjelang Ramadan ini.

Ia susulan tindakan pemutihan yang dilaksanakan terhadap 200,000 pekerja asing dalam negara sejak Januari lalu.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bekerjasama itu dilakukan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia.



Mohamad Sabu.

“Kita dapat selain daripada kekurangan makanan untuk ternakan seperti soya dan jagung, faktor kekurangan pekerja di sektor ini turut menjadi punca bekalan telur serta ayam terjejas.

“Susulan itu, kita telah mengadakan perbincangan dengan pengusaha telur dan ayam untuk menambah pekerja di ladang yang memerlukan,” katanya yang dikenali Mat Sabu kepada pemberita hari ini.

Terdahulu, Mohamad merasmikan Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth di Padang Kota.



Mohamad Sabu (tengah) menyampaikan Geran Agropreneur Muda kepada salah seorang peserta.

Hadir sama, Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Lokman Hakim Ali dan Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Pulau Pinang, Norlela Ariffin.

Tambah Mohamad, pihaknya memberi kelonggaran syarat pengambilan pekerja asing supaya menjadi ia menjadi pemudahcara terhadap peladang serta penternak.

“Antara pemudahcara termasuk membolehkan peladang menggajikan pekerja asing menerusi program pemutihan sekali gus mereka dapat bekerja secara sah di negara ini,” kata beliau.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, kerajaan memberi jaminan bekalan makanan negara akan sentiasa mencukupi meskipun harganya selalu mengalami kenaikan serta penurunan atas pelbagai faktor.

“Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) peringkat antarabangsa meletakkan Malaysia tahun lepas markah 100 erti kita tiada rakyat sampai tak ada makanan.

“Mungkin harga naik dan turun tapi makanan ada dan kita tak menerima bantuan antarabangsa dari sudut makanan,” ujar beliau. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kekurangan bekalan ayam, telur diatasi menjelang Ramadan



GEORGETOWN: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin, masalah kekurangan bekalan telur dan ayam menjelang Ramadan ini, dapat diatasi susulan program pemutihan lebih 200,000 pekerja asing yang giat dilakukan sejak bulan lalu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ini kerana masalah kekurangan tenaga buruh terutamanya dalam sektor perladangan dan penternakan menjadi antara punca krisis bekalan bahan mentah itu berlaku di negara ini.

"Kita sudah berbincang dengan pengusaha dan sekarang tempat yang berdepan masalah kekurangan pekerja sedang dalam proses penambahan kerajaan sejak Januari telah melonggarkan syarat pengambilan pekerja asing dengan lebih 200,000 telah berjaya didaftarkan.

"Mereka ini akan bekerja di premis seperti ladang ternakan ayam dan lain-lain sektor perladangan yang memerlukan pekerja," katanya selepas merasmikan Jelajah Agropelancongan dan Agrobelia di sini, hari ini.

Mohammad menjelaskan, dalam soal itu kerajaan menjadi pemudah cara, terutamanya dalam mengeluarkan permit kepada tenaga buruh asing yang sudah berada dalam negara, dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Kementerian Sumber Manusia supaya golongan tersebut dapat bekerja secara sah.

Katanya, kenaikan harga bahan mentah masih berpunca daripada kenaikan harga soya dan jagung yang bergantung kepada pasaran import memandangkan pengeluaran jagung dalam negara tidak sesuai untuk makanan haiwan.

"Jagung bijiran untuk haiwan baru mula ditanam di Perlis dan tahun ini kita akan buat secara besar-besaran supaya jagung jenis itu ada di Malaysia dan dapat tumpung sebahagian (bekalan) Insya-Allah harga ayam akan dapat dikawal dengan lagi baik," katanya.

Beliau turut berkata, pihaknya memberi jaminan bekalan makanan masih mencukupi biarpun harganya sentiasa mengalami kenaikan dan penurunan disebabkan pelbagai faktor.

"Tahun lalu, FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia) meletakkan Malaysia dengan markah 100 (peratus), ertiannya tiadalah rakyat kita (yang) sampai tiada makanan langsung (kerana masalah bekalan).

"Mungkin harga naik dan turun tetapi (bekalan) makanan ada dan tidak menerima bantuan antarabangsa dari sudut makanan tidak seperti negara-negara di Afrika," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Sabah dan Sarawak dilihat antara negeri yang berpotensi menawarkan ruang untuk memastikan keterjaminan makanan negara dalam jangka masa panjang.

"Kerajaan Sarawak juga akan membantu kerana mempunyai tanah yang luas.

"Sabah pun begitu, tanah yang luas itu akan dibenar digunakan untuk tanaman-tanaman yang boleh menjamin keterjaminan makanan," katanya.

Mohamad (kiri) ketika melakukan lawatan pada Program Jelajah Agrotourism dan Agroyouth Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Pulau Pinang 2023 di Padang Kota Lama hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	BERITA RTM	ONLINE	

Bantuan modal perladangan kepada golongan muda



GEORGE TOWN, 25 Februari- Jaminan bantuan modal akan diberikan kepada golongan muda yang terlibat dalam industri perladangan, hasrat itu disuarakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, kementeriannya sentiasa memberi galakan kepada golongan itu untuk terlibat dalam sektor perladangan selain menyediakan bantuan modal pusingan.

"Golongan muda yang terlibat atau mereka yang telah melaksanakan aktiviti perladangan namun kekurangan modal atau sebagainya akan dibantu.

"Ini buka sahaja hal perladangan, malah kerja-kerja pertanian yang akan memberi manfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Jelajah Agrotourism & Agroyouth di Padang Kota Lama, di sini.

Dalam pada itu, Mohamad Sabu menjelaskan permasalahan bekalan telur akan selesai selepas kerajaan melonggarkan permit pengambilan pekerja asing di ladang.

Bagaimanapun, beliau yakin isu tersebut dapat diatasi kerana hampir 200,000 pekerja terlibat dalam sektor perladangan termasuk pertanian buat masa ini.



(Mohamad Sabu)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/2/2023	BULETIN MUTIARA	ONLINE	

Jelajah Agrotourism demi tarik minat belia, bantu tangani kos sara rakyat, kata kementerian



pertanian negara.

Demikian kenyataan bertulis kementerian berkenaan sempena penganjuran Jelajah Agrotourisme dan Agrobelia Kali Ke-3 yang dirasmikan oleh Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu serta disertai Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di perkarangan Dewan Bandaraya dekat Padang Kota Lama dekat sini pada 25 Februari 2023.

Kenyataan pihak kementerian dipetik berkata penganjuran karnival pada hari ini dan esok adalah rentetan kepada kejayaan dua siri jerayawara sebelum ini iaitu di negeri Johor dan Selangor.

“Dalam menjayakan agenda keterjaminan makanan negara, kementerian akan memastikan langkah bagi meremajakan sektor pertanian diteruskan dengan menggalakkan penglibatan golongan belia, mengaplikasikan teknologi pertanian moden dan mengukuhkan (penyelidikan dan pembangunan) R&D pertanian.

“Golongan belia dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi pertanian moden selaras dengan IR4.0 (Revolusi Industri 4.0),” jelas pihak pengajur.

Buletin Mutiara difahamkan, bagi menjayakan matlamat tersebut, peringkat kementerian akan menawarkan kepada petani, penternak, nelayan dan usahawan agromakanan yang layak seperti pakej-pakej pelancongan berasaskan pertanian, pemadanan perniagaan dan kursus-kursus keusahawanan.

Di samping itu, menurut sumber, jerayawara tersebut diadakan berlandaskan konsep Malaysia Madani serta juga menganjurkan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) demi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

[KETUA Menteri \(depan, kanan\) mengiringi Mohamad Sabu \(depan, tengah\) melawat gerai pameran Siri Ke-3 Jelajah Agrotourisme dan Agrobelia 2023 di Padang Kota Lama di sini pada 25 Februari 2023.](#)

GEORGE TOWN – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan terus komited untuk meremajakan sektor pertanian demi menarik lebih ramai golongan muda terlibat dalam agro pelancongan

Headline	Labuan waters free from red tide, says Fisheries Department		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	25 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	6	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 538
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,614



Labuan waters free from red tide, says Fisheries Department

LABUAN: The Labuan Fisheries Department yesterday confirmed that water samples taken from Labuan waters following the red tide phenomenon in Sabah, are free from *Pyrodinium bahamense* var. *compressum* (dinoflagellates) which is harmful to humans.

Its director, Faizal Ibrahim Suhaili said tests were conducted on samples taken from around Batu Manikar, Tanjung Aru and Lubok Temiang.

He said the department had been monitoring the situation since the red tide was detected on Feb 16 around Kota Kinabalu and Tuaran waters

As far as we are concerned, we have done our level best to monitor the situation but the public must continue to take extra precaution by thoroughly cleaning seafood before cooking and consuming them.

Faizal Ibrahim Suhaili

in Sabah.

Monitoring and evaluation were also conducted on water samples taken from the Tanju Kubong and Rancha-Rancha areas.

"As far as we are concerned, we have done our level best to monitor the situation but the public must continue to take

extra precaution by thoroughly cleaning seafood before cooking and consuming them.

The Sabah Fisheries Department on Feb 18 issued a Red Tide Explosion Warning notice following the discovery of red tide algae in several coastal waters around Kota Kinabalu and Tuaran.

Red tide cases have been reported in Labuan in 2015 involving two women in Kg Sg Miri, aged 59 and 36, who were given outpatient treatment at Labuan Hospital after they were diagnosed with paralytic shellfish poisoning (PSP).

Red tides are harmful algal blooms (HABs) that occur along coastal regions, and they result from large accumulation of aquatic microorganisms, such as protozoans and unicellular algae.

These toxins can kill fish, make shellfish dangerous to eat, and make the surrounding air difficult to breathe for humans and animals.

— Bernama

Headline	Bernas kongsi 30peratus untung bersih dengan pesawah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	5	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	424 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,475
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,424



Bernas kongsi 30% untung bersih dengan pesawah

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) bersetuju membuat perkongsian keuntungan daripada import beras dengan menyumbang 30 peratus keuntungan bersih kepada pesawah padi selain sumbangan RM60 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu tentunya dapat membantu dan menambah keperluan hidup para pesawah.

"Saya sekali lagi ucap terima kasih dan penghargaan atas kesudian Bernas untuk menyumbang sejumlah dana bagi membantu para pesawah miskin. Ini tentunya dapat membantu dan menambah keperluan hidup para pesawah," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, semalam.

Katanya, kerajaan akan meruskan penyaluran pelba-

gai subsidi dan insentif seperti harga padi, baja padi dan padi huma dengan peruntukan RM1.6 bilion.

"Sumbangan tunai turut diberikan kepada pesawah padi sebanyak RM200 ringgit sebulan untuk tempoh tiga bulan atau semusim melibatkan 240,000 pesawah dengan peruntukan RM228 juta ringgit," katanya.

Dalam pada itu katanya, sektor agro makanan perlu dirombak dengan mengutamakan kemandirian pengeluaran makanan tempatan melalui automasi dan pendigitalan dalam mendepani kenaikan harga barang serta gangguan bekalan makanan.

Anwar berkata, kerajaan akan

menggalakkan pelaburan swasta berdasarkan pertanian berskala besar antara lain melalui penyediaan insentif, tanah, pembiayaan dan geran teknologi bagi memastikan bekalan makanan pada harga berpatutan, pengeluaran makanan perlu ditingkatkan supaya berskala besar serta berdaya saing.

Katanya, kerajaan bercadang supaya Felda, Felcra dan RISDA dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menyuburkan tanah-tanah terbari milik mereka dengan keluasan sehingga 320 hektar untuk projek tanaman makanan.

Katanya, hal itu setelah hanya 1.2 juta hektar tanah negara dimanfaatkan untuk tujuan tanaman makanan berbanding tujuh juta hektar bagi tanaman kelapa sawit dan getah.

"Kementerian Pertahanan dan LTAT berserta syarikat lain juga akan melaksanakan projek peningkatan pertanian bijirin jagung domestik selain untuk meningkatkan keterjaminan makanan, malah memberi peluang kerjaya kepada veteran tentera. LTAT menyediakan 70 ekar tanah perlادangan untuk melaksanakan projek ini.

"Kerajaan juga akan menyediakan RM30 juta untuk bekerjasama dengan beberapa kerajaan negeri bagi melaksanakan projek-projek agro makanan," katanya.

Menurutnya, sektor agro makanan perlu dirombak dengan mengutamakan kemandirian pengeluaran makanan tempatan melalui automasi dan pendigitalan dalam mendepani kenaikan harga barang dan gangguan bekalan makanan.



PERKONGSIAN keuntungan daripada import beras dapat membantu dan menambah keperluan hidup para pesawah.

Headline	Tanah terbiar diusaha untuk projek tanaman makanan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	8	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	232 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,926
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,778



Tanah terbiar diusaha untuk projek tanaman makanan

FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diarai menyuburkan tanah terbiar milik masing-masing dengan keluasan sehingga 320 hektar untuk projek tanaman makanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ia bagi membantu negara mengukuhkan aspek keterjaminan makanan, memandangkan kini hanya 1.2 juta hektar tanah negara dimanfaatkan untuk penghasilan tanaman makanan berbanding tujuh juta hektar bagi tanaman kelapa

sawit dan getah.

Selain itu, katanya Kementerian Pertahanan dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) serta syarikat lain akan melaksanakan projek peningkatan pertanian bijirin jagung domestik, yang mana jagung bijirin adalah bahan utama dalam makanan halwan khususnya ayam yang selama ini diimport.

"Selain meningkatkan keterjaminan makanan, (usaha ini) malah memberi peluang kerjaya kepada veteran tentera.

"LTAT menyediakan 70 ekar (28 hektar) tanah perladangan

untuk melaksanakan projek ini," katanya memaklumkan Kerajaan Persekutuan juga menyediakan RM30 juta untuk bekerjasama dengan beberapa kerajaan negeri bagi melaksanakan projek agromakanan.

Rombak sektor agromakanan

Dalam mendepani tantangan kenaikan harga barang dan gangguan bekalan makanan juga, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, sektor agromakanan perlu dirombak dengan mengutamakan kemandirian pengeluaran makanan tem-

patan melalui automasi dan pendigitalan.

Memberi contoh Bank Malaysia (BNM), katanya, dana sehingga RM1 bilion disediakan di bawah Skim Pembentaya Agrofood untuk membantu pengusaha agromakanan meningkatkan produktiviti pengeluaran.

"Dari sudut latihan dan bimbingan, MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia) akan memperluas penganguran program Digital AgTech untuk melatih lebih ramai pekebum kecil beradaptasi dengan teknologi.

"Inisiatif ini dianggar meman-

faatkan 100 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negara dengan peruntukan RM10 juta.

"Bagi meningkatkan kecekapan dengan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian, kerajaan bercadang memberi Elaun Modal Dipercepatkan dan mengecualikan cukai pendapatan 100 peratus ke atas perbelanjaan modal," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata RM1.6 bilion diperuntukan tahun ini untuk meneruskan penyaluran pelbagai bentuk subsidi dan insentif seperti harga padi, beras padi dan padi huma.

Headline	Govt will launch agricultural project to produce more edible food		
MediaTitle	China Press		
Date	25 Feb 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,867
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,602



(吉隆坡24日讯) 首相兼财政部长拿督斯里安华指出，我国食品种植地只有120万公顷，相比油棕和橡胶为700万公顷，政府将启动食品耕种计划。

他说，政府计划将联邦土地发展局、胶小园主发展局、联邦土地统一及复兴局，以及农业及食品安全全部旗下机构废置的800英亩土地用于食品耕种计划。

安华今日在国会下议院提呈2023年财政预算案时指出，国防部和武装部队基金局以其他企业也将实施提高国内玉米种植的计

食品種植少過油棕橡膠 政府將啓動耕種計劃

划，除了提高食品安全，也提供退伍军人就业机会。武装部队基金局准备了70英亩土地。

政府也将准备3000万令吉，与多个州属合作，实施食品农业计划。

此外，在预算案附件中指出，为了鼓励更多人参与农业领域，政府建议将食品生产项目的税收

优惠申请期限将延长3年，至2025年尾。

根据预算案附件指出，政府也建议扩大税收的优惠范围，包括以控制环境农业为基础的农业项目。落实日期从2023年1月1日至2025年12月31日期间收到的申请。

此外，安华说，在面对物价高

涨和食品供应中断，我国需要通过自动化和数码化优先考虑本地食品生产的生存来彻底改革农业食品；国行准备高达10亿令吉的资金协助农产品企业家提高生产率。

大马数码经济机构将扩大数码农业科技计划，以培训更多的小园主采用科技。

他说，为确保食品供应价格合理，食品出口必须提升，以便规模更大，且更具竞争力。通过政府的支持，Farm Fresh将成为我国鲜奶的主要出口商。